

Menangani Peningkatan Kos Sara Hidup Melalui Peningkatan Pendapatan

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Peningkatan kos sara hidup merupakan isu terpenting untuk kebanyakan masyarakat Malaysia kini. Malah ianya merupakan suatu paradoks kepada sebahagian masyarakat, di mana pembangunan ekonomi menyebabkan kehidupan mereka semakin sukar atau setidak-tidaknya tiada peningkatan. Di dalam konteks ini pembangunan ekonomi tidak memberi makna kepada umum. Apa tidaknya, segala petunjuk ekonomi menunjukkan pertumbuhan yang positif, namun kebanyakan rakyat menghadapi tekanan hidup kerana kesejahteraan mereka tidak meningkat, malah menurun untuk sesetengahnya.

Persoalannya, mengapa isu ini menjadi begitu signifikan buat masa kini? Adakah ianya merupakan suatu peringkat di dalam pembangunan ekonomi yang perlu ditempuhi dalam perjalanan menuju ke sebuah negara maju? Atau ianya suatu keabnormalan yang melanda ekonomi kita?

Secara umumnya ramai yang berpendapat peningkatan kos sara hidup adalah disebabkan oleh peningkatan harga, terutamanya barangan dan perkhidmatan pengguna. Di dalam situasi semasa, kejatuhan nilai ringgit berbanding dengan kebanyakan mata wang dunia menjadi alasan utama. Alasan tersebut tiada salahnya, namun ianya tidak tepat sepenuhnya.

Isu ini perlu dilihat secara relatif dengan pendapatan pengguna. Peningkatan kos sara hidup akan berlaku sekiranya peningkatan pendapatan seseorang individu lebih rendah daripada peningkatan perbelanjaan membeli barangan dan perkhidmatan yang kerap digunakan tanpa mengubah cita rasanya. Dengan kata lain, seseorang individu tidak menghadapi peningkatan kos sara hidup jika individu tersebut membeli barangan dan

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

perkhidmatan yang lebih berkualiti dengan peningkatan perbelanjaan melebihi peningkatan pendapatannya.

Jelasnya, isu peningkatan kos sara hidup ini perlu dikaji dari kedua-dua perspektif, pendapatan dan perbelanjaan. Perbelanjaan sudah tentu berkadar terus dengan harga, yakni harga meningkat maka perbelanjaan pun meningkat. Namun perbelanjaan individu juga boleh meningkat dengan perubahan cita rasa. Biasanya penggunaan barangan dan perkhidmatan yang lebih berkualiti dikaitkan dengan peningkatan status ekonomi. Lagipun, itulah makna sebenar kemajuan ekonomi. Cita rasa rakyat sesebuah negara maju sudah tentu tidak sama dengan cita rasa rakyat sebuah negara mundur. Dari sudut ini, peningkatan perbelanjaan akan berlaku kerana pengguna menggunakan barangan dan perkhidmatan yang lebih berkualiti.

Perlu juga diingat bahawa rata-rata harga barangan dan perkhidmatan secara umumnya meningkat kerana sistem keterbukaan ekonomi. Perdagangan antarabangsa menyebabkan harga barangan dan perkhidmatan yang didagangkan akan menjadi sama di kalangan negara-negara yang berdagang. Bukan sahaja barangan yang diimport, barangan yang dieksport juga turut menjadi lebih mahal di pasaran domestik kerana ianya berdasarkan harga dunia. Namun demikian, secara keseluruhannya pengguna berada di dalam keadaan yang lebih baik kerana dapat membeli lebih barangan yang di import dengan harga yang secara relatifnya lebih murah. Penggunaan barangan yang diimport melambangkan perubahan cita rasa di kalangan pengguna. Ini merupakan salah satu kebaikan perdagangan antarabangsa.

Di dalam konteks ini, peningkatan perbelanjaan di kalangan pengguna tidak dapat dielakkan dan memang sudah dijangka. Namun demikian di dalam situasi semasa, peningkatan harga barangan dan perkhidmatan dirasakan lebih dari biasa kerana kelemahan nilai ringgit terutama berbanding dengan dolar Amerika. Perlu diingat bahawa dolar Amerika merupakan mata wang dunia yang mempengaruhi harga barangan dan perkhidmatan dunia.

Berdasarkan senario di atas, maka langkah jangka panjang yang lebih mapan perlu diambil untuk mengatasi isu peningkatan kos sara hidup adalah melalui peningkatan pendapatan. Peningkatan pendapatan pula cuma boleh berlaku melalui peningkatan

produktiviti buruh. Peningkatan produktiviti buruh akan memberi nilai tambah yang lebih kepada pengeluaran. Kesan nilai tambah yang tinggi kepada pengeluaran, antara lain adalah peningkatan kadar upah.

Jelasnya di dalam keadaan semasa, kita memerlukan peningkatan kadar upah yang tinggi melebihi peningkatan kadar perbelanjaan pengguna. Ini kerana peningkatan perbelanjaan pengguna kini dipengaruhi oleh dua faktor. Pertama, peningkatan harga kebanyakan barangan pengguna yang antara lain didorong oleh kemerosotan nilai ringgit berbanding dengan dolar Amerika. Di dalam tempoh kemerosotan nilai ringgit tersebut, kadar upah tidak meningkat dengan setimpal.

Kedua, kita perlu mengambil perhatian bahawa cita rasa rakyat jelata rata-rata telah berubah, sama ada sebagai pilihan sendiri atau secara terpaksa. Pilihan sendiri merupakan peningkatan taraf hidup di mana individu terbabit akan meminta barangan dan perkhidmatan yang lebih berkualiti atau barangan baharu yang tidak digunakan sebelumnya. Ini merupakan ciri-ciri pengguna sebuah negara maju yang kita ingini.

Namun demikian terdapat pengguna yang terpaksa mengubah gaya hidup bukan semata-mata sebagai pilihan mereka. Ini adalah kos yang mereka terpaksa bayar apabila negara semakin meningkat maju. Golongan berpendapatan rendah terpaksa mengikut rentak majoriti yang berpendapatan sederhana dan tinggi. Sudah tentu keadaan ini akan memberi tekanan kepada golongan berpendapatan rendah kecuali pendapatan mereka meningkat dengan setimpal.

Maka cabaran yang kita hadapi sekarang adalah untuk meningkatkan produktiviti buruh. Secara ringkasnya, produktiviti buruh dapat ditingkatkan melalui dua kaedah secara serentak, iaitu dengan peningkatan kemahiran atau skil buruh dan peningkatan intensiti modal. Kemahiran pekerja sudah tentu dapat ditingkatkan melalui pendidikan dan latihan. Intensiti modal memerlukan pelaburan dari kerajaan dan sektor swasta. Pelaburan akan meningkatkan produktiviti buruh melalui peningkatan modal dan teknologi.

Menjadi pengharapan umum agar kerajaan dapat meningkatkan usaha untuk meningkatkan produktiviti buruh melalui dasar-dasar dan insentif yang bersesuaian. Ini

dapat dilakukan sama ada melalui pelan jangka panjang atau pelan jangka pendek seperti bajet tahunan.